

Perkasa keselamatan siber ASEAN

Asia Tenggara perlu lebih banyak kerjasama manfaat kepakaran Jepun



Malaysia menggalakkan lebih banyak kerjasama ASEAN-Jepun untuk meningkatkan lagi standard keselamatan siber di rantau Asia Tenggara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sambil mengiktiraf kepakaran Negara Matahari Terbit itu dalam ruang siber, Perdana Menteri berharap lebih banyak kerjasama di antara kumpulan negara serantau berkenaan dan Jepun dapat dijalin melalui perkongsian amalan baik dalam memperkukuhkan aspek keselamatan siber.

"Dengan pengembangan landscape digital, ancaman siber juga meningkat dengan cepat. Bersama-sama, kita perlu mengutamakan perlindungan untuk rakyat kita daripada eksploitasi siber berkaitan keganasan, pemerdagangan orang dan pelbagai jenayah siber rentas sempadan.

"Jepun boleh berkongsi dengan ASEAN pengetahuan dan kemahirannya, dengan fokus kepada bidang seperti perlindungan harta intelek, privasi data dan risikan ancaman," katanya ketika berucap dalam agenda pertama Sidang Kemuncak Peringatan



Anwar bersama pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun, semalam.

(Foto BERNAMA)

ASEAN-Jepun, semalam.

Anwar antara 10 pemimpin ASEAN yang menyertai sidang kemuncak berkenaan yang bermula Jumaat lalu dan berakhir hari ini bagi memperingati ulang tahun ke-50 hubungan persahabatan dan kerjasama rantau terbabit dan Jepun.

Katanya, kerjasama erat dan banyak inisiatif yang dilaksanakan melalui ASEAN Outlook Mengenai Indo-Pasifik (AOIP) dan Jepun Bebas dan Indo-Pasifik Terbuka (FOIP), mencerminkan komitmen kuat kedua-dua pihak untuk mengeratkan hubungan dan mengekalkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara.

Tambah Perdana Menteri, Malaysia mendapat manfaat yang besar daripada rangka kerja berkenaan, khususnya daripada program latihan dalam bidang trafik perkapalan serta undang-undang maritim antarabangsa melibatkan Selat Melaka.

Serentak itu, beliau mencadangkan inisiatif seterusnya di-

laksanakan bagi meningkatkan lagi keselamatan pelayaran di Selat Melaka, salah satu laluan laut paling sibuk di dunia.

Dalam perkembangan lain, Anwar yang mengulangi pendirian Malaysia terhadap perang di Palestin serta mengkritik tindakan Israel di Gaza, menggesa komitmen lebih tegas dalam menegakkan isu kemanusiaan dan undang-undang antarabangsa.

Beliau turut memaklumkan, semua negara anggota ASEAN dan Jepun mengundi untuk menyokong resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada 12 Disember lalu, yang menuntut gencatan senjata segera, bantuan kemanusiaan dan pembebasan tebusan.

Melihat kemusnahan dilakukan Israel di Gaza sama seperti pengguguran bom atom di Hiroshima dan Nagasaki di Jepun pada Perang Dunia Kedua, Anwar menegaskan, usaha ke arah mencapai keamanan dan penyelesaian yang bertahan lama terhadap

konflik berkenaan perlu dilaksanakan secara kolektif.

Sementara itu, Perdana Menteri seperti dilaporkan *BERNAMA*, berkata memandangkan polikrisis global yang berterusan dan kerumitan semakin meningkat dalam persekitaran strategik perkumpulan dengan 10 ahli itu, peranan kerjasama ASEAN-Jepun dalam mengharungi cabaran berkenaan menjadi lebih penting.

"Penting untuk ASEAN dan Jepun bekerjasama, bersama dengan negara-negara yang berpandangan sama untuk mengukuhkan multilateralisme dan mendukung peraturan berasaskan kepada undang-undang antarabangsa.

"Kesan terhadap kerosakan dalam Orde Dunia ini ke atas kita terlalu menakutkan untuk difikirkan," katanya turut menyentuh mengenai senjata nuklear yang Malaysia lihat sebagai sesuatu yang memudaratkan ma-

nusia, menimbulkan risiko penggunaannya sama ada secara sengaja atau tidak.

Dalam konteks serantau, beliau berkata, Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara berfungsi sebagai instrumen pelucutan senjata dan ketakambahan di rantau ASEAN, yang selaras dengan Perkara VII NPT (*Non-Proliferation Treaty*).

Merujuk Pelan Tindakan Hiroshima Jepun, Anwar menjelaskan, Malaysia percaya bahawa ASEAN dan Jepun boleh meneroka kerjasama dalam pelucutan senjata, ketakambahan dan penggunaan tenaga nuklear secara aman dalam konteks global.

Dalam agenda sama, beberapa negara anggota ASEAN menyuarakan kebimbangan terhadap Myanmar, dengan Thailand menegaskan ia sudah melakukan yang terbaik untuk membantu dalam krisis kemanusiaan di sempadannya dengan Myanmar dan berusaha untuk penyelesaian dalam rangka kerja Konsensus Lima Perkara.